

▼03/03/17-27MST

CNS1842

R GB 03-03 00171 BA454

aab

Mahathir - PAS

(Embargo: Untuk siaran selepas pukul 6.30 petang ini)

BADAN UNTUK TELITI UNDANG-UNDANG PAS PERLU DITUBUHKAN, KATA PM

KOTA BAHARU, 3 Mac (Bernama) -- Sebuah badan yang dianggotai orang Islam yang pakar dalam agama, hukum-hakam dan jenayah perlu ditubuhkan untuk mengkaji undang-undang yang hendak dilaksanakan oleh PAS bagi menentukan sama ada undang-undang itu sebenarnya undang-undang Islam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata kerajaan persekutuan akan menubuhkan badan itu dan sementara itu, undang-undang PAS itu tidak boleh diterima atau dilaksanakan oleh sesiapa kerana ia masih bukan undang-undang Islam dan bukan undang-undang negara.

Katanya orang Islam dalam UMNO menolak dan patut menolak undang-undang PAS kerana sehingga kini belum terdapat bukti kajian yang tepat dilakukan berlandaskan ilmu fikah dan maqasid syariah terhadap undang-undang itu.

"Ja bukanlah satu keputusan yang dibuat oleh UMNO secara sewenang-wenang," kata beliau pada majlis Perjumpaan Bersama Rakyat di Pusat Bahasa Arab, Nilam Puri, di sini. -- Lagi.

▼03/03/17-24MST

CNS1848

R GB 03-03 00175 BA455

aab

Mahathir - PAS 2 Kota Baharu (Embargo)

Dr Mahathir berkata anggota badan yang hendak diwujudkan itu hendaklah terdiri daripada kalangan yang tidak mempunyai apa-apa kepentingan selain daripada pegangan kepada agama Islam.

Di samping itu, mereka juga perlu mempunyai kepakaran dalam agama lain serta undang-undang sivil dan jenayah.

Dan seperti biasa, mereka perlu mengambil kira keadaan semasa yang mempengaruhi amalan dan pelaksanaan ajaran, ibadat dan hukum dalam Islam.

Perdana Menteri berkata, dakwaan PAS bahawa mereka yang tidak menerima undang-undang hudud PAS menjadi murtad adalah bertentangan dengan ajaran Islam yang memberi kelonggaran dalam membuat tafsiran.

"Undang-undang hudud PAS adalah hasil kefahaman atau tafsiran orang PAS akan ajaran Al-Quran dan hukum syarak. Ia juga adalah hasil kepentingan politik parti," katanya.

"Ja tidak menjadi sebahagian daripada ajaran Al-Quran yang mesti diterima oleh semua orang," tegas beliau.

Di samping itu, kata Dr Mahathir, undang-undang PAS itu tidak termasuk dalam ajaran Islam hasil kefahaman dan tafsiran imam-imam yang diiktiraf oleh puak Sunni dan Syiah. -- Lagi.

▼03/03/17-26MST

R GB 03-03 00194 BA456

aab

Mahathir - PAS 3 Kota Baharu (Embargo)

Kesahihannya belum boleh ditentukan. Oleh itu PAS tidak boleh mendakwa bahawa undang-undangnya tepat dan menjadi sebahagian daripada ajaran Islam, kata beliau.

Dr Mahathir berkata untuk menentukan sama ada undang-undang hudud PAS Kelantan mematuhi hukum hudud dalam Islam, tidak ada ujian yang lebih tepat daripada penilaian terhadap adil atau tidak adilnya hukuman yang akan dihasilkan oleh undang-undang PAS itu.

Jika adil, maka ada kemungkinan ia diasaskan kepada hukum-hukum Islam. Jika tidak adil, maka mustahillah ia berasaskan kepada hukum Islam sepenuhnya yang juga mengambil kira masalah am Syariah, katanya.

Dr Mahathir menyebut kes rogol sebagai contoh.

Katanya mangsa rogol yang membuat pengaduan tidak mungkin mendapat saksi-saksi yang boleh diterima mengikut undang-undang PAS. Dengan itu, perogol tidak boleh didakwa menurut undang-undang PAS.

"Undang-undang PAS juga tidak akan menerima +circumstantial evidence+ iaitu tanda-tanda pada mangsa yang membuktikan ia telah dirogol," kata beliau.

Dengan penolakan ini, serta tidak adanya saksi yang empat yang diterima sah oleh undang-undang PAS, maka pengaduan dan tuduhan oleh mangsa rogol akan ditolak. Dengan ini, perogol akan terlepas daripada hukuman, katanya.
-- Lagi.

▼03/03/17-28MST

R GB 03-03 00157 BA457

aab

Mahathir - PAS 4 Kota Baharu (Embargo)

Dr Mahathir berkata undang-undang PAS bukan sahaja tidak adil tetapi boleh menyebabkan ia menjadi ejekan orang lain, memburukkan imej Islam dan menjauhkan orang lain daripada agama itu dan orang Islam sendiri.

Yang menyebabkan Islam menjadi beban, zalim dan penghalang kepada kesejahteraan umat Islam ialah orang tertentu yang fanatik dan ingin menjadikan Islam sebagai agama ibadah dan amalan secara buta tuli, katanya.

"Islam bukanlah agama buta tuli yang tidak memperdulikan keadaan sekeliling dan kesan daripada pengamalan ajarannya," kata beliau.

Undang-undang PAS bukanlah hasil proses ijtihad yang sah tetapi dibuat kerana kepentingan yang lain daripada agama, khususnya politik. PAS sendiri pernah mengakui undang-undang itu dibuat kerana tekanan politik oleh UMNO, katanya.

Oleh itu, tegas beliau, undang-undang PAS itu perlu dikaji sebelum ia diterima atau ditolak oleh sebuah kerajaan yang ingin menerapkan nilai-nilai Islam seperti Barisan Nasional (BN). -- Lagi.

▼03/03/17-34MST

aab

Mahathir - PAS 5 Kota Baharu (Embargo)

Katanya, dua persoalan perlu ditimbulkan mengenai undang-undang itu.

Yang pertama ialah sama ada undang-undang PAS dengan hukum hudud Islam menepati dan mencapai maksud dan matlamat hudud dalam Islam.

Dan kedua, adakah ia menjamin keadilan bagi mereka yang didakwa menurut undang-undang itu?

Jika undang-undang PAS digunakan untuk orang Islam dan undang-undang jenayah biasa digunakan untuk orang bukan Islam, sudah pasti perbezaan hukuman yang amat ketara.

"Perbezaan hukuman untuk jenayah yang sama amatlah tidak adil bagi apa juga sistem nilai atau agama," katanya.

Beliau juga menjelaskan kajian yang dijalankan setakat ini mendapati undang-undang PAS tidak menepati sepenuhnya undang-undang, semangat dan sifat-sifat yang ada pada agama Islam dan tidak mengasaskan sepenuhnya maqasid syariah.

Sehubungan dengan itu, katanya undang-undang PAS itu bukan sahaja tidak boleh diterima tetapi setakat ini hendaklah ditolak.

"Ini bukan bererti kita menolak hukum hudud. Kita hanya menolak tafsiran dan undang-undang PAS Kelantan yang tidak serasi dengan maqasid syariah,"

"Penolakan sesuatu yang salah adalah wajib jika kita berpegang kepada ajaran Islam." -- Lagi.

▼03/03/17-35MST

CNS1865

R GB 03-03 00089 BA459

aab

Mahathir - PAS 6 (Akhir) Kota Baharu

Dr Mahathir juga menegaskan kerajaan BN pada peringkat Pusat telah mengambil masa yang panjang untuk mengkaji undang-undang yang diluluskan dengan begitu mudah oleh kerajaan PAS Kelantan.

Kajian ini, katanya, akan diteruskan dan hasilnya akan dimaklumkan kepada orang ramai bagi menjaga kepentingan umat Islam di negara ini tanpa mengira parti atau kumpulan.

Kerajaan negeri tidak boleh dibenarkan melakukan sesuatu yang mungkin bertentangan dengan ajaran Islam, katanya. -- Bernama.

ROI SJ NMO